



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Perlis
Kampus Arau

Buletin InTouch

@ UiTM Cawangan Perlis

Edisi:
2022

Mendukung Misi GRU2025

Fokus Utama Amanat Rektor
UiTM Cawangan Perlis Bagi
Tahun 2022

Menarik di dalam



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kerjasama
Bersama Korea Sports Promotion Foundation
(KSPO) Korea Selatan



Program Hari Hutan Sedunia (21 Mac),
Hari Air Sedunia (22 Mac) dan Ulang Tahun
Penubuhan Trash Hero Perlis Yang Ke-3



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kongsi
Kepakaran Kepada Komuniti
Orang Asli Melalui ESKOM
2022



Majlis Menandatangani Memorandum
Perjanjian (MoA) Antara Universiti
Teknologi MARA (UiTM) Dengan
Universitas Gajah Mada (UGM)
Indonesia

PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN PEMBERSIHAN PANTAI SEMENA PROGRAM

Oleh:
Rosnani Nazri

Pada Ahad 9 Januari 2022 bertempat di Pulau Ketam Kuala Perlis, Perlis telah dianjurkan Program Penanaman Pokok Bakau dan Pembersihan Pantai sempena Program Penghijauan Malaysia 2022 oleh Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Perlis.

Program tersebut dihadiri 118 orang peserta di mana sebahagiannya merupakan kumpulan sasaran bagi program ini seperti komuniti setempat serta jabatan-jabatan dari Rakan KPDNHEP, Trash Hero Perlis dan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis serta agensi dari Eldaman. Selain itu, pelajar-pelajar dari UUM, UiTM Perlis, dan UNIMAP turut serta sebagai sukarelawan.

Objektif program ini adalah untuk menjaga, memulihara dan memanfaatkan sumber alam yang sedia ada serta mempertahankan kelestariannya untuk kesejahteraan

sejagat, melaksanakan peraturan yang telah ditetapkan berdasarkan falsafah hidup cinta alam sekitar, memberikan kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar kepada masyarakat secara umum serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan kualiti hidup.

Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Anjuran Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Perlis dengan kerjasama Rakan KPDNHEP, Trash Hero Perlis dan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan kualiti hidup serta usaha untuk menambah baik ekosistem dan biodiversiti negara. Kempen ini mensasarkan penanaman 100

juta pokok dalam tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2021 hingga 2025. Seramai 118 orang HERO yang terdiri daripada peserta dewasa dan kanak-kanak telah berjaya mengutip sampah yang berjumlah 346.7 kilogram semasa aktiviti dijalankan.

Antara pengisian program ialah aktiviti menanam pokok bakau di Hutan Simpan Pulau Ketam dan membersihkan kawasan persisiran pantai. Program ini dijangka telah memberi impak positif kepada komuniti apabila lahirnya sifat tanggungjawab dan perasaan cinta terhadap alam sekitar di dalam diri. Selain itu, dari aspek kawasan persekitaran, program ini mampu mengekalkan kelestarian alam sekitar.

